



**IKLAN PENGAMBILAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
SECARA KONTRAK DALAM PERKHIDMATAN (*CONTRACT FOR SERVICE*)  
DI BAWAH JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU  
(BAHAGIAN PENDIDIKAN) TAHUN 2021**

Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman mempelawa calon yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk mengisi jawatan Pegawai Perkhidmatan Perkhidmatan **Secara Kontrak Dalam Perkhidmatan (*Contract For Service*)** di:

- (i) Maahad Tahfiz Al-Quran Terengganu
- (ii) Madrasah Moden Terengganu
- (v) Sekolah Menengah Islam Darul Iman
- (vi) Sekolah Rendah Islam Darul Iman

<b>1. Jawatan</b>	<b>: Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Setaraf Gred 41</b>
<b>Taraf Jawatan</b>	<b>: Kontrak Dalam Perkhidmatan (<i>Contract For Service</i>)</b>

**2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN ASAS**

Calon-calon hendaklah:

- 2.1 Warganegara Malaysia dan Rakyat Negeri Terengganu Darul Iman;
- 2.2 Sihat tubuh badan;
- 2.3 Umur tidak melebihi 35 tahun pada 1 Januari 2021;
- 2.4 Memiliki kelulusan akademik:

2.4.1 **Ijazah Sarjana Muda atau kelulusan yang setaraf dengannya** dan memiliki kepujian dalam matapelajaran Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan.

2.4.2 **Keutamaan** akan ditawarkan kepada mereka yang memiliki Sarjana Muda Pendidikan atau Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

**3. CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN**

- 3.1 Permohonan hendaklah dibuat dalam borang yang boleh didapati dengan melayari URL:  
<http://jheatweb.terengganu.gov.my/> atau <http://bpm.terengganu.gov.my/>

- 3.2 Permohonan hendaklah disertakan dengan resume dan sekeping gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan, salinan sijil kelahiran, salinan sijil-sijil keputusan peperiksaan dan sijil-sijil lain yang berkaitan yang **disahkan**.
- 3.3 Semua maklumat yang diisi dalam borang hendaklah ditulis dengan jelas dan terang dengan HURUF BESAR.
- 3.4 Permohonan yang tidak lengkap dan teratur akan **ditolak**.
- 3.5 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk menduduki Ujian Inventori Sahsiah Keguruan (INSAK) dan Pengetahuan Am & Daya Berfikir sebelum ditemu duga bagi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Secara Kontrak Dalam Perkhidmatan (*Contract For Service*).
- 3.6 Permohonan yang telah lengkap diisi beserta sijil-sijil yang telah disahkan boleh dikemukakan ke alamat seperti berikut:

**Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama  
Terengganu  
(Bahagian Pendidikan)  
Pusat Pentadbiran Islam Negeri,  
Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad,  
20676 Kuala Terengganu, Terengganu.**

- 3.7 Maklumat berkaitan status permohonan yang berjaya akan dimaklumkan secara bersurat dan e-mel.

#### **4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

**1 November 2020 (Ahad), sebelum jam: 5.00 petang**

Sebarang pertanyaan berkenaan permohonan ini, sila berhubung dengan Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu di talian **09-6252525** (u.p.: Ustaz Mohd Al-Hafiz bin Karim)

Bertarikh: 20 Oktober 2020  
3 Rabiulawal 1442H